

UMS dominasi Sukan Staf Persahabatan IPT Borneo

UB 23.4.16 A16

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memanfaatkan kelebihan sebagai tuan rumah untuk mendominasi kejohanan Sukan Staf Persahabatan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kali Keempat 2016 yang berlangsung sejak 19 April dan berakhir kelmarin.

Kejohanan selama empat hari itu menyaksikan UMS merangkul sembilan daripada 14 pingat emas yang ditawarkan untuk menafikan cabaran 16 pasukan lain.

Pingat emas UMS dimenangi menerusi acara bola sepak senior lelaki, bola sepak veteran lelaki, bola jaring, futsal wanita, dart, bola tampar wanita, catur, golf dan tenpin boling.

Kontinen Universiti Tanjung Pura, Kalimantan Indonesia dan Universiti Malaysia Sarawak

(UNIMAS) adalah pencabar terdekat UMS tetapi masih jauh ketinggalan dengan masing-masing hanya meraih dua pingat emas.

Universiti Tanjung Puramenang emas acara futsal lelaki dan ping pong manakala UNIMAS dalam acara tenpin boling lelaki dan badminton.

Satu lagi pingat emas dimenangi Politeknik Kota Kinabalu dalam acara sepak takraw.

Kejohanan itu disertai 16 IPT dari Sabah, Sarawak, Brunei, Kalimantan Indonesia dan sebuah pasukan dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) selaku pengangur.

Ia adalah kali kedua UMS menjadi tuan rumah kejohanan sukan tiga tahun sekali itu selepas kali pertama semasa ia diperkenalkan

pada tahun 2006.

Tuan rumah edisi kedua pada 2009 adalah Universiti Brunei Darulssalam manakala edisi ketiga di UNIMAS pada 2013.

Edisi kelima akan berlangsung di Universiti Tanjung Pura, Pontianak, Kalimantan Indonesia pada 2019.

Majlis perasmian edisi keempat kejohanan sukan itu dirasmikan Menteri Belia Dan Sukan Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan pada 21 April.

Majlis penutupan, penyampaian hadiah dan penyerahan bendera tuan rumah edisi kelima telah disempurnakan Pendaftar UMS, Noman Datuk Haji Ahmad mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah kelmarin. -Oleh VITALIS G. BINGKASAN

KONTINEN UMS bersama Noman yang juga ketua kontinen selepas majlis penutupan dan penyampaian hadiah kelmarin.

